

FPP BizNewz

January - May 2025

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

DIGITAL MARKETING
in a digital age

BRAIN DRAIN

A Point of View in Malaysia

**MENTAL
HEALTH**

Bagaimanakah Penularan

**PLANKTON
MERBAHAYA**

*Memberi Kesan kepada
Usahawan Pesisiran Pantai*

**BUKIT
LUNING**



**PERANAN
MAJIKAN
DALAM
MENANGANI
TEKANAN KERJA
PEKERJA**

BUBU NAGA

Sekat Rezeki Nelayan Tradisional

**MOTIVATING
MINDS**

*How Lecturers Can Use Positive
Reinforcement to Boost*

HUTANG
Kawan atau Lawan?

Unik tapi Benar
KANTUNG MADU KELULUT BERBEZA

RINTANGAN INSULIN

Punca, Risiko dan Hubungannya dengan Diabetes

eISSN 2600-9811



9 772600 981003

Publication Date

1 June 2025

4 Evolusi Reka Bentuk

Reka bentuk baju pasukan sukan telah melalui perubahan ketara dari masa ke masa. Menurut Richards (2017), perkembangan dalam teknologi tekstil membolehkan pereka menghasilkan baju yang bukan sahaja estetik, tetapi juga meningkatkan prestasi atlet. Ini termasuk penggunaan fabrik dengan teknologi pengawalan suhu dan penyerapan peluh yang lebih baik, seperti yang diterapkan dalam baju sukan pasukan bola sepak profesional (Kim & Park, 2020).

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, baju pasukan sukan memainkan peranan penting dalam sukan moden. Ia bukan sahaja melambangkan identiti dan semangat pasukan, tetapi juga berfungsi sebagai alat untuk meningkatkan prestasi atlet dan menjana pendapatan melalui penajaan.



Rujukan

- Anderson, P. (2021). Sponsorship and Sports Team Apparel: A Financial Perspective. *Journal of Sports Economics*, 15(3), 50-65.
- Green, J. (2020). The Psychology of Team Identity in Sports. *Sports Management Review*, 12(2), 25-40.
- Kim, Y., & Park, H. (2020). Technological Advancements in Football Jerseys: Enhancing Performance. *International Journal of Sports Science*, 18(4), 145-160.
- Mills, T., & Jones, R. (2019). Textile Innovations in Athletic Apparel: The Future of Sportswear. *Textile Research Journal*, 8(5), 210-225.
- Nakamura, K. (2016). Performance Apparel and Athletic Efficiency: A Study on Friction Reduction in Sportswear. *Journal of Sports Science*, 14(3), 135-148.
- Richards, M. (2017). Evolution of Design in Sports Apparel: A Look at the Last Decade. *Fashion and Sports Journal*, 10(4), 89-104.
- Smith, L. (2019). The Role of Sponsorship in Professional Sports. *Marketing Insights*, 25(7), 112-130.

“POT LUCK”:

Inisiatif Berjimat Cermat di Kala Penjimatan Bajet Pengurusan Program

Zafrah Abdul Azis, Zainon Shaari, Ahmad Amin Md Akhir, Samhan Ahmad, Mohd Zaini Zainal, Eliy Nazira Mat Nazir, Rozilah Rajmi, Mohd Al Faiz Jumin, Sharir Aizat Kamruddin

Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, Perlis, Malaysia

Emel Koresponden: shariraizat@uitm.edu.my

Berjimat cermat merupakan salah satu amalan terbaik dalam menguruskan kewangan di kala kos sara hidup semakin meningkat pada masa kini terutamanya golongan miskin. Pemotongan bajet kewangan pada setiap penganjuran majlis dan program meminta pihak penganjur untuk berjimat cermat.

Penganjuran majlis bertemakan “Pot Luck” menjadi inisiatif menarik yang boleh diamalkan di kala bajet pengurusan makanan kian meruncing. Di sini kami ceritakan pengalaman Majlis Apresiasi Pejabat Rektor 2023 UiTM Cawangan Perlis yang membudayakan “Pot Luck”.



INAP DESA YANG BERLATARBELAKANGKAN PANORAMA PERMAI BENDANG MENJADI PILIHAN LOKASI MAJLIS APRESIASI PEJABAT REKTOR 2023 UITM CAWANGAN PERLIS



WARGA PEJABAT REKTOR BERGAMBAR SEJURUS SELESAI MAJLIS APRESIASI PEJABAT REKTOR 2023.

Majlis Apresiasi Pejabat Rektor 2023 telah berlangsung dengan jayanya dengan kehadiran warga Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis (UiTM Cawangan Perlis) daripada unit Pejabat Rektor, Unit Komunikasi Korporat, Unit Hal Ehwal Islam, Unit Kualiti dan Bahagian Transformasi Universiti. Turut hadir dalam majlis ini adalah warga kerja Unit Audit Dalam dan para pelajar Latihan Industri di Pejabat Rektor. Majlis tahunan ini telah diadakan di Homestay Teratak Kayu, Kampung Sungai Berembang, Kuala Perlis, Perlis.

"MENGAPA POT LUCK?"

Tujuan utama majlis ini berlangsung adalah untuk menghargai jasa dan bakti warga Pejabat Rektor UiTM Cawangan Perlis sepanjang tahun 2023. Selain itu juga, majlis ini diadakan bagi merapatkan silaturahmi dan perpaduan antara warga kerja baru dan lama bagi memantapkan lagi sinergi antara unit dan bahagian dalam mencapai kesepakatan. Majlis ini turut memupuk nilai-nilai murni lain seperti bersedekah, tolong-menolong, berjimat cermat dan sikap penyayang sesama warga kerja



MAJLIS APRESIASI MEMUPUK SEMANGAT BERJIMAT CERMAT, PERPADUAN DAN KERJASAMA ANTARA UNIT-UNIT PEJABAT REKTOR UiTM CAWANGAN PERLIS.

Majlis Apresiasi ini dimulakan dengan warga kerja berkumpul di Inap desa pada waktu tengahari. Barangan keperluan memasak barbeku meliputi barangan basah dan kering dikumpulkan di ruangan dapur. Setelah itu, agihan kerja telah diberikan kepada warga bagi memastikan proses penyediaan bahan makanan dan memasak berjalan lancar. Menariknya majlis apresiasi ini adalah warga kerja mengeluarkan perbelanjaan sendiri bagi bersama-sama menampung kos pembelian bahan untuk memasak.

"AMALAN POT LUCK BUKAN SEKADAR BERJIMAT—TAPI JUGA MEMUPUK KERJASAMA DAN KESERONOKAN!"

Amalan Pot Luck dan berkongsi pembelian makanan basah dalam program bukan sahaja menganjurkan amalan berjimat cermat, tetapi juga menambahkan keserian majlis yang dianjurkan. Makanan yang dibawa dipastikan untuk tidak sama, memastikan setiap pembawa makanan untuk menjana idea kreatif untuk memasak. Apabila ada "Pot Luck" pastinya barangan seperti sudu, pinggan, garfu, cawan dan sebagainya dibawa bersama dan pastinya menjimatkan kos pembelian barang-barang ini

Setelah itu, majlis makan malam barbeku dimulakan dengan bacaan doa makan yang dipimpin oleh YBhg. Rektor. Antara juadah menarik pada malam tersebut adalah ayam barbeku, gulai itik, sosej bakar, shellout, makanan laut barbeku, snek dan buah-buahan seperti tembikai dan mangga yang disediakan oleh warga

"POT LUCK: TRADISI YANG PERLU DITERUSKAN"



MAJLIS APRESIASI BERI PENGHARGAAN DAN PENGHARGAAN KEPADA WARGA KERJA UNTUK MENCAPAI BANYAK KEJAYAAN LAGI DI MASA HADAPAN.

Majlis Apresiasi Pejabat Rektor 2023 yang diadakan bukan hanya sekadar menghargai jasa dan bakti warga kerjanya. Selaras dengan tema "Bersama Selamanya", penganjuran majlis ini juga memotivasikan warga untuk berjimat cermat, dan merapatkan ukhuwah. Kemenjadian warga kerja yang cergas minda, emosi dan jasmani perlu disemai dengan pengiktirafan, keraian dan penghargaan segenap warga kerja.

Berjimat cermat merupakan amalan yang baik di kala warga UiTM menghadapi kesukaran menahan impak kenaikan kos hidup. Berjimat cermat juga membantu orang miskin dalam menjalani kehidupan mereka. Ini sejajar dengan Aspirasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang menganjur Matlamat Pembangunan Mapan (Sustainable Development Goals, SDGs) untuk memerangi masalah kemiskinan dan kelaparan.



"KONGSILAH REZEKI, PASTI BERTAMBAH BERKAT!"





BizNewz 2025
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com